

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

**AFP 365 - Kewangan Antarabangsa**

Masa: 3 jam

**ARAHAN:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA** soalan.

Soalan 1

- (a) Sesetengah negara memilih untuk menggunakan sistem tukaran asing tetap, manakala negara-negara lain memilih untuk menggunakan sistem tukaran asing yang fleksibel. Bincangkan kelebihan dan kekurangan kedua-dua sistem ini, dan juga implikasi-implikasi mereka.  
[ 7 markah ]
- (b) Australian National Bank (ANB) memberikan kadar serta-merta dan kadar hadapan 3-bulan sebanyak US\$0.6275-80, 6-12 untuk dollar Australia. Berdasarkan maklumat ini, kira:
- (i) kadar hadapan 'outright' 3-bulan yang ANB berikan
  - (ii) diskaun atau premium hadapan bagi pembelian 3-bulan dollar Australia
  - (iii) peratusan tebaran harga bida dan harga minta serta merta dan kontrak hadapan dollar Australia
- [ 7 markah ]
- (c) Kenapakah tebaran hadapan bagi matawang yang kurang diniagakan adalah lebih besar berbanding dengan matawang yang lebih banyak diniagakan?  
[ 6 markah ]

Soalan 2

- (a) Akaun imbalan pembayaran menunjukkan transaksi-transaksi yang berlaku dalam satu tahun antara sebuah negara dengan negara-negara lain di dunia. Kenapakah penting bagi kita mengkaji dan meneliti data-data dalam akaun imbalan pembayaran sesebuah negara?  
[ 7 markah ]
- (b) Diberi pound sterling £1.00 bersamaan dollar \$1.5683, dan deutchmark DM1.00 bersamaan dollar \$0.5235.
- (i) Kira kadar serta-merta deutchmark bagi setiap pound sterling dalam sebutharga terma Eropah (*European term quotation*)
  - (ii) Kira kadar serta-merta pound sterling bagi setiap deutchmark dalam sebutharga terma Eropah (*European term quotation*)
- [ 6 markah ]
- (c) Seorang pelabur memiliki satu bon 'dual-currency' franc Switzerland/dollar Amerika pada 8.5 peratus, yang membayar \$666.67 pada tarikh matang bagi setiap SF1,000 nilai par. Berapakah tukaran tersirat SF/\$ pada tarikh matang? Adakah pelabur untung atau rugi pada tarikh matang jika tukaran sebenar SF/\$ ialah SF1.35/\$1.00?  
[ 7 markah ]

Soalan 3

- (a) Terangkan maksud risiko kadar faedah yang dihadapi oleh bank-bank antarabangsa. Bagaimanakah risiko ini boleh wujud. Jelaskan dengan memberi satu contoh.

[ 6 markah ]

- (b) Apakah perhubungan yang cuba dijelaskan oleh Fisher Effect. Berikan satu contoh.

[ 4 markah ]

- (c) Katakan anda diberikan maklumat-maklumat berikut mengenai kadar tukaran antara ringgit Malaysian (RM) and baht Thailand (B), dan kadar faedah di Malaysia and Thailand:

Kadar tukaran serta-merta:	RM0.10/B
Kadar tukaran hadapan 3-bulan:	RM0.12/B
Kadar faedah di Malaysia:	6.4% per annum
Kadar faedah di Thailand:	5.0% per annum

- (i) Adakah pariti kadar faedah (IRP) benar dalam situasi di atas? Tunjukkan bagaimana anda menentukan jawapan anda.
- (ii) Jika IRP tidak benar, tunjukkan bagaimana anda boleh mendapat keuntungan dari arbitraj kadar faedah terlindung, dengan mengandaikan yang anda boleh meminjam RM1,000,000 atau B10,000,000. Tentukan keuntungan arbitraj dalam RM yang anda boleh perolehi.
- (iii) Dalam satu pasaran yang cekap, apakah yang anda jangka akan berlaku kepada kadar tukaran asing dan kadar faedah di atas?

[ 10 markah ]

Soalan 4

- (a) Kenapakah anda fikir pasaran niagaan ke depan dibangunkan apabila bank sudahpun menawarkan kontrak hadapan? Apakah yang pasaran niagaan ke depan matawang tawarkan yang kontrak hadapan tidak tawarkan? Sebagai seorang pelindung nilai, yang manakah antara kedua-dua di atas yang anda akan pilih, dan kenapa?

[ 8 markah ]

- (b) Untuk mengembangkan perniagaannya, Swiss Foods, sebuah firma Switzerland yang menghasilkan produk makanan ringan, mengambilalih sebuah firma Jerman, Deutsche Foods. Kunci kira-kira Deutsche Foods, dalam deutschemark Jerman (DM), bagi Januari 1, 2000 ditunjukkan di bawah. Kadar tukaran antara deutschemark Jerman (DM) dan franc Switzerland (SFr) pada tarikh tersebut ialah DM\$1.0540/SFr.

...4/-

Aset		Liabiliti dan ekuiti pemilik	
Tunai	DM110,000	Liabiliti semasa	DM100,000
Akaun belum terima	250,000	Hutang jangka panjang	180,000
Inventori	200,000	Ekuiti biasa	600,000
Aset tetap bersih	320,000		
	<u>DM880,000</u>		<u>DM880,000</u>

- (i) Berapakah sumbangan Deustche Foods kepada pendedahan translasi Swiss Food pada Januari 1, 2000, menggunakan kaedah kadar semasa (*current rate method*)? Berikan jawapan dalam kedua-dua matawang.
- (ii) Dengan mengandaikan tiada sebarang perubahan pada akaun, kira kerugian translasi yang akan dialami oleh Swiss Foods jika kadar tukaran pada Dec 30, 2000 adalah DM1.1800/SFr.

[ 12 markah ]

Soalan 5

- (a) Banding dan bezakan di antara bank cawangan asing dan bank subsidiari bagi sebuah bank antarabangsa.

[ 6 markah ]

- (b) Berikan definisi bon euro dan bon asing. Dari perspektif firma yang menerbitkan eurobon, apakah kebaikan dan keburukan yang mereka dapat hasil terbitan bon tersebut. Apakah pula bebaikan dan keburukan membeli eurobon dari perspektif pelabur?

[ 7 markah ]

- (c) Sebutharga-sebutharga berikut telah diberikan kepada anda:

Hong Kong Shanghai Bank: Sebutharga franc Perancis untuk dollar US: FF4.8600/\$  
Dresdner Bank: Sebutharga deutchemark Jerman untuk dollar US: DM1.4200/\$  
Credit Agricole: Sebutharga franc Perancis untuk deutchemarks: FF3.44/DM

Jika anda mempunyai \$1,000,000, bolehkan anda membuat keuntungan arbitraj segitiga? Jika ya, berapakah nilai keuntungan tersebut? Tunjukkan langkah-langkah anda.

[ 7 markah ]

Soalan 6

- (a) Peniaga-peniaga wang adalah pihak yang sangat penting dalam transaksi swap. Dalam menjalankan kerja mereka, mereka terdedah kepada beberapa risiko. Bincangkan lima jenis risiko yang dihadapi oleh peniaga-peniaga ini di dalam pasaran swap matawang.

[ 8 markah ]

- (b) American Rice Inc. membeli beras daripada ThaiRice Ltd. dengan kos sebanyak 120,000,000 Baht Thailand (simbol B), yang akan dibayar setahun dari sekarang. Kadar serta-merta di antara baht Thailand dan dollar Amerika ialah B25.60/\$, dan kadar hadapan setahun ialah B26.60/\$. Maklumat-maklumat lain adalah seperti di bawah:

Kadar faedah di Thailand:	12.00% setahun
Kadar faedah di Amerika:	4.00% setahun
Opsyen panggilan bagi Baht pada kadar guna-hak B26.00/\$ :	3.0% premium (i.e. \$0.00117 setiap Baht)
Opsyen jualan bagi Baht pada kadar guna-hak B26.00/\$ :	2.4% premium (i.e. \$0.00094 setiap Baht)

Tunjukkan bagaimana America Rice boleh melindungi nilai akaun belum bayar daripada pendedahan transaksi menggunakan pasaran hadapan, pasaran wang dan pasaran opsyen. Pada pendapat anda, perlindungan dalam pasaran manakah yang sepatutnya dipilih oleh American Rice? Kenapa?

[ 12 markah ]